

---

**SIARAN MEDIA**  
**6 NOVEMBER 2024**

### **ECoS Terus Menekankan Kepentingan Keselamatan Elektrik Dalam Orang Kompeten di Sabah**

**SANDAKAN, 6 NOVEMBER** - Energy Commission of Sabah (ECoS) telah mengambil inisiatif untuk memberikan kesedaran berkaitan keselamatan dan kelestarian elektrik melalui penganjuran Seminar dan Dialog Enakmen dan Peraturan Elektrik bersama Orang Kompeten di Wilayah Pantai Timur.

Seminar yang julung-julung kali dilaksanakan di Sandakan telah dirasmikan melibatkan seramai 250 peserta dari Pantai Timur Sabah yang terdiri daripada orang kompeten utiliti, pemasangan, kontraktor, serta pelajar-pelajar daripada institusi-institusi bertauliah ECoS.

“Selaras dengan penguatkuasaan Enakmen Bekalan Elektrik 2024, semua Orang Kompeten yang berkhidmat di negeri Sabah perlu mendapatkan perakuan kekompetenan daripada ECoS,” kata Ridwan Saham, Ketua Pegawai Operasi ECoS dengan menambah bahawa semua perakuan kekompetenan daripada ST yang dikeluarkan sebelum 3 Januari 2024 hanya boleh digunakan di Sabah untuk tempoh selama 12 bulan seperti yang dijelaskan dalam Peraturan 60, Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 2024.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibaca oleh Jeffrey Nuri, Pengarah Jabatan Operasi Industri, ECoS semasa seminar tersebut yang turut dihadiri oleh wakil daripada Sabah Electricity (SE), pihak berkuasa tempatan, pihak kontraktor pemasangan, dan Orang Kompeten yang diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan pada hari ini.

“Bermula 3 Januari 2025, hanya perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh ECoS boleh digunakan di Sabah, dan dalam usaha untuk memastikan Orang Kompeten di Sabah memiliki perakuan kekompetenan daripada ECoS, semua Orang Kompeten ST wajib menduduki dan lulus peperiksaan Enakmen Bekalan Elektrik 2024 dan peraturan-peraturan di bawahnya sebelum dibenarkan memohon perakuan yang setara,” kata Ridwan.

#### **Mengenai ECoS**

*Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.*

---

**SIARAN MEDIA**  
**6 NOVEMBER 2024**

Bagi memudahkan pemegang perakuan kekompetenan ST menduduki kursus dan peperiksaan Enakmen Bekalan Elektrik 2024, ECoS telah mentauliahkan sebanyak 17 institusi latihan bagi mengendalikan kursus dan peperiksaan tersebut dengan kadar yuran yang seragam di seluruh negeri Sabah iaitu sebanyak RM185 bagi calon-calon menduduki kursus dan peperiksaan.

Inisiatif yang akan dijalankan di seluruh negeri adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai keselamatan elektrik dan sebagai peringatan kepada Orang Kompeten agar sentiasa memastikan sebarang kerja di bawah seliaan masing-masing dilaksanakan berdasarkan aturan-aturan keselamatan yang telah ditetapkan.

“ECoS tidak akan berkompromi sekiranya berlaku sebarang insiden kemalangan disebabkan kecuaiian oleh Orang Kompeten,” kata Ridwan.

**[tamat]**

**Mengenai ECoS**

*Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.*